We were established in 2008 with minimum capacity of the books. We provide basic services only such as open shelf collection that can be borrowed by all registered members according to the library circulation policy. Reference, journal and closed stack collection are not available for loan. However, service counter provides loans, returns, renewals and reservations services. I-Know@IYRES consumer comprising researchers, IYRES staff, KBS staff, students and public.

For more details, please visit our online public access catalogue at <http://library.iyres.gov.my>

**OPENING HOURS**

MON-FRI	SAT, SUN & PUBLIC HOLIDAY
9.00AM - 4.30 PM	CLOSED

**VISIT US**

**IYRES KNOWLEDGE CENTRE**  
ARAS 10, MENARA KBS, PRESENT 4  
NO 27, PERSIARAN PERDANA  
PUSAT PENTADBIRAN KERJAYAAN PERSEKUTUAN  
62570 PUTRAJAYA

**OPENING HOURS**

**TEMPAHAN BUKU**

Berikut merupakan cara membuat tempahan:

1. Pilih Buku
2. Isi Borang Tempahan
3. Pembayaran
4. Tempahan Disahkan
5. Perkhidmatan PosLaju Self-Pickup

Lakukan pembayaran ke dalam akaun bank berikut:  
- Maybank : Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia 5660 1055 2155  
- Emel : [penerbitan@iyres.gov.my](mailto:penerbitan@iyres.gov.my)  
“Sahkan bayaran anda dengan menghartarkan maklumat bayaran ke emel penerbitan@iyres.gov.my sekiranya anda membuat bayaran secara atas talian/online. Atau hantar gambar resit bayaran menggunakan whatsapp 019-631 6439 sekiranya anda membuat bayaran secara manual (mesin cash deposit/ATM/kaunter bank).

3 hingga 7 hari bekerja diperlukan bagi perkhidmatan pos laju. Manakala, self-pickup dialu-alukan di pejabat kami.

Rajah 11 : Tempahan / Pembelian Buku IYRES  
Figure 11 : Bookings / Purchasing of IYRES's Books


Sekiranya terdapat bahan bacaan yang ingin dibeli secara atas talian, kaedah pembelian telah disediakan pada ruangan Tempahan Buku dalam Sistem Portal Rasmi IYRES dan ia juga boleh dicapai melalui menu IYRES PUBLICATION & BOOKING pada laman utama Sistem i-KNOW@IYRES (<http://iyres.gov.my/library/>). Sistem ini dapat diakses dari semasa ke semasa oleh pengguna. Ia disokong oleh teknologi perisian Virtua yang mana turut digunakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

If there is any reading material that the public wish to purchase online, the purchasing method has been provided at the Book Purhasing column in the IYRES Portal System and it can accessible via the menu IYRES PUBLICATION & BOOKING at the i-KNOW@IYRES (<http://iyres.gov.my/library/>) homepage. This system can be accessed from time to time by users. It is supported by Virtua software technology which is also used by the National Library of Malaysia.

## Sistem Ydata@IYRES

### Ydata@IYRES System

<https://ydata.iyres.gov.my>



Rajah 12 : Laman utama Sistem Ydata@IYRES  
Figure 12 : Ydata@IYRES System Homepage

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) merupakan agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang berperanan sebagai sebuah pusat penyelidikan nasional yang menjalankan kajian dalam pelbagai aspek pembangunan belia serta perubahan yang berlaku di peringkat nasional, rantau dan antarabangsa.

Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015 telah menggariskan peranan IYRES sebagai focal point kepada penyelidikan dan statistik belia. Selaras dengan itu, inisiatif telah di ambil oleh IYRES

untuk mewujudkan sebuah platform yang dapat menempatkan semua data-data berkaitan belia di satu tempat atau dinamakan data one-stop-centre melalui pendekatan National Blue Ocean Strategy (NBOS).

Platform ini dibangunkan bercirikan teknologi Business Intelligence kerana spesifikasi utama yang diambil kira adalah untuk menjana laporan-laporan statistik yang berbentuk Data Visualization yang dapat memudahkan para pengguna untuk memahami dan menggunakan data-data yang disediakan dengan lebih mudah dan berkesan.


Sehingga Disember 2018, sistem ini telah menyediakan 70 data set yang mewakili 9 kategori iaitu Pendidikan, Penduduk, Sosialisasi Politik, Kesihatan, Sukan & Rekreasi, Usahawan, Sukarelawan, Persatuan dan Gejala Sosial. Semua data statistik yang dimuat naik telah mendapatkan kelulusan dan pengesahan setiap Focal Point yang berkaitan.

The Malaysian Institute for Youth Research (IYRES) is an agency under the Ministry of Youth and Sports (MYS) which serves as a national research centre that conducts research on various aspects of youth development as well as changes taking place at the national, regional and international levels.

The National Youth Policy (DBM) 2015 has outlined the role of IYRES as a focal point for youth research and statistics. In tandem with that, initiatives have been taken by IYRES to create a platform that can gather all youth-related data in one place or named as a one-stop data centre through the National Blue Ocean Strategy (NBOS).


This platform is developed with Business Intelligence technology as the main specification is to generate statistical reports in the form of Data Visualization which enables users to understand and use the data provided more easily and effectively.

As of December 2018, the system has provided 70 sets of data representing 9 categories: Education, Population, Political Socialization, Health, Recreational Sports, Entrepreneurs, Volunteers, Social Unions and Symptoms. All uploaded statistical data has been approved and validated by each relevant Focal Point.



Sistem Ydata@IYRES ini dibangunkan bukan hanya dalam bentuk Web based malah dibangunkan juga dalam bentuk Mobile Apps selari dengan keperluan teknologi semasa yang lebih menjurus kepada penggunaan mobile. Ianya boleh dimuat naik melalui apps store dan play store.

The Ydata @ IYRES system is developed not only in Web-based form but also in the form of Mobile Apps in line with current technology requirements that are more suited towards mobile usage. It can be uploaded through the apps store and play store.



Rajah 13 : Contoh visualisasi data yang telah disediakan dalam Sistem Ydata@IYRES

Figure13 : Data visualisation sample prepared in the Ydata@IYRES System



Jadual 14 : Mobile Apps Sistem Ydata@IYRES

Jadual 14 : Mobile Apps Sistem Ydata@IYRES

Sistem ini telah berjaya mencapai objektif utama pelaksanaan dengan adanya penglibatan Agensi/Jabatan/Kementerian. Sehingga Disember 2017, sebanyak 28 Jabatan/Agensi/Kementerian telah dilantik sebagai Focal Point IYRES untuk memberikan kerjasama menyalurkan data-data belia kepada IYRES.

This system has successfully achieved the main objective of implementation with the involvement of Agencies/Departments/Ministries. As of December 2017, a total of 28 Department/Agencies/Ministries were appointed as IYRES's Focal Points to provide cooperation in providing the data on youth to IYRES.

#### PELANTIKAN FOCAL POINT 2017 / APPOINTMENT OF FOCAL POINT 2017

1	KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN <b>MINISTRY OF YOUTH AND SPORTS</b>
2	KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) <b>MINISTRY OF HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT (KPKT)</b>
3	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT (KPWKM) <b>MINISTRY OF WOMEN, FAMILY AND COMMUNITY DEVELOPMENT (KPWKM)</b>
4	JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) <b>DEPARTMENT OF ISLAMIC DEVELOPMENT MALAYSIA (JAKIM)</b>
5	JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA (DOSM) <b>DEPARTMENT OF STATISTIC MALAYSIA (DOSM)</b>
6	KEMENTERIAN LUAR NEGARA (KLN) <b>MINISTRY OF FOREIGN AFFAIRS (KLN)</b>

7	KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) <b>MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA (KPM)</b>
8	KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT) <b>MINISTRY OF HIGHER EDUCATION (KPT)</b>
9	KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) <b>MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA (KKM)</b>
10	KEMENTERIAN PERTAHANAN (MINDEF) <b>MINISTRY OF DEFENCE (MINDEF)</b>
11	JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA) <b>DEPARTMENT OF VOLUNTEER (RELA)</b>
12	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI & KEPENGgunaAN (KPDKK) <b>MINISTRY OF DOMESTIC TRADE, COOPERATION AND CONSUMERISM (KPDKK)</b>
13	POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) <b>ROYAL MALAYSIA POLICE (PDRM)</b>

14	SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) <b>MALAYSIAN ANTI CORRUPTION COMMISSION (SPRM)</b>	3	JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI (JPKK) <b>DEPARTMENT OF POLYTECHNIC AND COMMUNITY COLLEGE EDUCATION (JPKK)</b>
15	SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR) <b>ELECTION COMMISSION (SPR)</b>	4	JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA (JLKN) <b>DEPARTMENT OF NATIONAL SERVICE (JLKN)</b>
16	AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN (AADK) <b>NATIONAL ANTI-DRUGS AGENCY (AADK)</b>	5	BANK NEGARA MALAYSIA (BNM) <b>CENTRAL BANK OF (BNM)</b>
17	KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (KKLBW) <b>MINISTRY OF RURAL AND REGIONAL DEVELOPMENT (KKLBW)</b>	6	SURUHAJAYA KOMUNIKASI & MULTIMEDIA MALAYSIA (SKMM) <b>COMMUNICATION AND MULTIMEDIA COMMISSION MALAYSIA (SKMM)</b>
18	JABATAN PENDAFTARAN NEGARA (JPN) <b>DEPARTMENT OF REGISTRATION (JPN)</b>	7	INSTITUT MAKLUMAT & ANALISIS PASARAN BURUH (ILMIA) <b>INSTITUTE OF LABOUR MARKET INFORMATION AND ANALYSIS MALAYSIA (ILMIA)</b>
19	JABATAN PENJARA MALAYSIA <b>MALAYSIA PRISON DEPARTMENT</b>	8	LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDN) <b>INLAND REVENUE BOARD OF MALAYSIA (LHDN)</b>
LANTIKAN TAHUN 2017 / APPOINTMENT IN THE YEAR 2017			
1	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM) <b>DEPARTMENT OF SOCIAL WELFARE (JKM)</b>		Rajah 15 : Senarai Focal Point yang telah di lantik bagi tahun 2016 & 2017
2	UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN (ICU), JPM <b>IMPLEMENTATION COORDINATION UNIT (ICU), JPM</b>		<b>Figure 15 : List of Focal Points appointed for the year 2016 &amp; 2017</b>

Dalam aspek pemantauan pelaksanaan Ydata@IYRES ini, IYRES telah dilaksanakan Mesyuarat Penyelaras System Ydata@IYRES secara berkala (2 kali setahun) bersama Kementerian/Jabatan/Agenzi yang telah dikenalpasti pada peringkat analisa sebagai Focal Point data belia. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Pn. Haslina Binti Abdul Hamid, Timbalan Ketua Setiausaha Strategik Kementerian Belia dan Sukan.

To monitor the implementation of Ydata @ IYRES, Ydata @ IYRES System Coordination Meeting is held on a regular basis (twice a year) with the Ministry/Department/Agency that has been identified in the analysis stage as a youth data Focal Point. The meeting was chaired by Madam Haslina Binti Abdul Hamid, Deputy Secretary-General of the Ministry of Youth and Sports.



Rajah 16 : Mesyuarat Penyelarasan System Ydata@IYRES Bil.2/2017 pada 7 September 2017

Manakala, bagi Bahagian/Jabatan/Agensi dibawah Kementerian Belia dan Sukan, telah dilaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Data Belia Nasional Peringkat KBS secara berkala (2 kali setahun) yang dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Zainah Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif IYRES.



Rajah 17 : Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Data Belia Nasional Peringkat KBS Bil.2/2017 pada 19 September 2017

Selain itu, beberapa siri kunjung hormat telah dilaksanakan pada tahun 2017 bagi menyebarluaskan penggunaan Sistem Ydata@IYRES. Ini adalah merupakan salah satu strategi bagi menambah koleksi data yang dikumpulkan di dalam sistem Ydata@IYRES. Sebanyak 8 focal point baru telah dilantik hasil daripada sesi kunjung hormat yang telah dilaksanakan pada tahun 2017.

Figure 16 : Ydata @ IYRES System Coordination Meeting No. 2/2017 on 7 September 2017

For Divisions/Departments/Agencies under the Ministry of Youth and Sports, National Youth Data Coordination Technical Committee Meeting chaired by Dr. Zainah Shariff, Chief Executive Officer of IYRES was conducted periodically (twice a year)



Figure 17 : National Youth Data Coordination Technical Committee Meeting KBS No 2/2017 on 19 September 2017

In addition, a series of courtesy calls were held in 2017 to disseminate the use of the Ydata @ IYRES System. This is a strategy to increase the collection of data collected in the Ydata @ IYRES system. A total 8 new focal points have been appointed as the results of the courtesy calls that have been held in 2017.



Jabatan Politeknik & Kolej Komuniti



Bank Negara Malaysia (BNM)



Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN)



Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)



Institut Maklumat & Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)



Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia (SKMM)



Unit Penyelarasian Pelaksanaan (ICU)



Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)

Rajah 18 : Focal Point Baru Yang Di Lantik Hasil Sesi Kunjung Hormat Tahun 2017  
Figure 18 : New Focal Points Appointed as the Results of the Courtesy Calls Carried out in 2017.

Sistem Ydata@IYRES ini dapat di akses melalui capaian <https://ydata.iyres.gov.my>. Sekiranya terdapat Kementerian/Agensi/Jabatan yang belum mendaftar sebagai Focal Point IYRES dan berminat untuk bersama-sama dalam menyumbang data-data belia, boleh hubungi sekretariat kami melalui emel [ydata@iyres.gov.my](mailto:ydata@iyres.gov.my).

Technical and Community College Deartment Labour Market and Information Institute Central Bank of Malaysia Communication and Multimedia Commission Natinal Service Department Coordination and Implementation Unit Department of Welfare Inland Revenue Department.

The Ydata@IYRES System can be accessed through via <https://ydata.iyres.gov.my>. If there are Ministries/Agencies/Departments that have not registered as IYRES Focal Point and are interested in jointly contributing to youth data, they may contact our secretariat via email [ydata@iyres.gov.my](mailto:ydata@iyres.gov.my).

# Penerbitan

## Publication



EDISI 1 2017 : NEGARAKU



EDISI 2 2017 :  
CABARAN AGENDA SOSIAL  
NEGARA

### Buletin Fakta

Buletin Fakta merupakan sebuah penerbitan yang berkonsepkan penulisan artikel hasil kajian IYRES dan bertemakan isu-isu semasa. Buletin ini akan diterbitkan secara berkali dua (2) kali setahun iaitu Edisi Jun dan Disember.

### Facts Bulletin

Facts Bulletin is a publication with the concept based on the article writing of IYRES research results with the theme of current issues. This bulletin will be published periodically (twice a year), namely the June and December Edition.

### PENILAIAN OUTCOME INDEKS BELIA MALAYSIA 2016 (IBM'16)

Buku ini merupakan hasil penilaian yang dilaksanakan secara tahunan bermula 2016 sehingga 2020 bagi memantau trend kesejahteraan hidup belia Malaysia.

### MALAYSIA YOUTH INDEX OUTCOME EVALUATION 2016 (IBM'16)

This book is the result of an annual assessment conducted annually from 2016 to 2020 to monitor the trend of the Malaysian youth wellbeing.



## MALAYSIAN JOURNAL OF YOUTH STUDIES (MJYS)

Pada tahun 2017, IYRES telah menerbitkan dua (2) buah Malaysian Journal of Youth Studies (MJYS) bagi edisi Jun dan Disember.

## MALAYSIAN JOURNAL OF YOUTH STUDIES (MJYS)

In 2017 IYRES has published two (2) Malaysian Journal of Youth Studies (MJYS) for the June and December editions.




MJYS VOL 16 JUNE 2017



MJYS VOL 17 DEC 2017



Versi Bahasa Melayu



Versi Bahasa Inggeris

### RINGKASAN EKSEKUTIF PROFIL BELIA DALAM KEGIATAN EKSTREMISME

Ringkasan eksekutif ini merupakan dapatan hasil kajian berprofil tinggi IYRES iaitu Profil Belia Dalam Kegiatan Ekstremisme yang menerangkan scenario dan isu semasa berkaitan penglibatan belia dalam kegiatan ISIS. Buku ini diterbitkan dalam dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

### EXECUTIVE SUMMARY OF THE YOUTH PROFILE IN THE EXTREMISM ACTIVITIES


The executive summary is the findings of the high-profile IYRES's study of the Youth Profile in Extremism Activities depicting current scenarios and issues related to youth involvement in ISIS activities. This book is published in both Malay and English languages.

## GARIS PANDUAN PENCEGAHAN FAHAMAN EKSTREMISME & RADIKALISME DALAM KALANGAN BELIA DAN MASYARAKAT


Buku ini menerangkan tentang garis panduan mengenai pencegahan fahaman ekstremisme dan radikalisme dalam kalangan belia serta masyarakat susulan daripada dapatan Kajian Profil Belia dalam Kegiatan Ekstremisme 2016. mengelak keterlibatan dalam aktiviti ekstremisme khususnya dalam Daesh.

### GUIDELINES FOR PREVENTION OF EXTREMISM AND RADICALISM BELIEF AMONG THE YOUTH AND SOCIETY

This book describes the guidelines on the prevention of extremism and radicalism beliefs among youth and the community following the findings of the 2016 study on Youth Profile in Extremism Activities. Avoiding involvement in extremism, particularly in Daesh.



Versi Bahasa Melayu



Versi Bahasa Inggeris



### STATISTIK BELIA MALAYSIA : DATA SEMASA 2015 & 2016 VOL 4

Buku statistik ini juga menghimpunkan data- data primer dan sekunder yang diperoleh melalui maklumat yang dibekalkan oleh agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan serta melalui penyelidikan yang telah dilaksanakan secara dalam IYRES dan secara kerjasama dengan pakar-pakar akademik luar.

### MALAYSIAN YOUTH STATISTICS: CURRENT DATA 2015 & 2016 VOL 4

This statistical book also collects primary and secondary data obtained through information supplied by Government agencies and non-Government through research conducted internally and in collaboration with external academic experts.



# LAPORAN KEWANGAN

FINANCIAL  
REPORT



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 14.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668).

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

#### **Tanggungjawab Lembaga Institut Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Institut bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668). Lembaga Institut juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Lembaga Institut bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan jika berkaitan serta menggunakananya sebagai asas perakaunan.

#### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Institut.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Institut dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan kerugian yang signifikan terhadap keupayaan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Institut, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundungan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

**Hal-hal Lain**

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Institut dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(MOHD NASRI MOHD NASIR)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



PUTRAJAYA  
7 NOVEMBER 2018

4 / 4

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA**

Saya, Dr. Zainah Binti Shariff, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di ..... )  
pada ..... )  
WILAYAH PERSEKUTUAN ..... )  
31 OCT 2018 ..... )

) ZAINAH SHARIFF  
) 700210-08-6074



Di hadapan saya,



**PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH  
(AKAUN INDUK)**

Kami Datuk Hatipah Binti Ibrahim dan Dr. Asma Binti Abdullah yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Bagi pihak Lembaga,

NAMA : Datuk Hatipah Binti Ibra  
GELARAN : Datuk  
TARIKH : 31 OCT 2018  
TEMPAT : PUTRAJAYA

NAMA : Dr. Asma Binti Abdullah  
GELARAN : Dr.  
TARIKH : 31 OCT 2018  
TEMPAT : PUTRAJAYA

**INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA**  
**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**  
**PADA 31 DISEMBER 2017**

	Nota	2017 RM	2016 RM (Seperti dinyatakan semula)
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, Loji Dan Peralatan	5	245,320	359,209
<b>ASET SEMASA</b>			
Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar	6	214,516	415,774
Simpanan Tetap		13,000,000	14,000,000
Tunai dan Kesetaraan Tunai	7	4,451,277	2,911,976
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>17,911,113</b>	<b>17,686,959</b>
<b>DIBIAYAI OLEH:</b>			
Lebihan Terkumpul		15,971,700	17,610,728
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Manfaat Pekerja	8	70,639	59,969
Sumbangan Kerajaan -SAGA		2	2
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pelbagai Pembiutang dan Akruan	9	16,534	7,286
Akaun Khas	10	1,055,455	8,974
Geran Pembangunan	11	796,783	-
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b>17,911,113</b>	<b>17,686,959</b>

**INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA**  
**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Nota	2017 RM	2016 RM (Seperti dinyatakan semula)
Geran Kerajaan	500,000	1,690,000
Hasil Jualan Buku	1,373	3,013
Hasil Operasi	73,338	100,694
Faedah Atas Pelaburan	367,590	936,598
Geran Pembangunan Dilunaskan	1,003,217	-
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>1,945,518</b>	<b>2,730,305</b>
 <b>PERBELANJAAN PENTADBIRAN</b>		
Emolumen	1,598,985	1,509,066
Perjalanan & Sara Hidup	46,807	65,879
Perhubungan & Utiliti	23,120	25,883
Sewaan	60,596	80,935
Bekalan Bahan Mentah	36,984	40,925
Bekalan & Bahan Lain	69,855	85,277
Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil	147,198	30,999
Perkhidmatan Ikhtisas / Lain	153,047	209,762
Manfaat Pekerja	8	10,670
Perbelanjaan Kajian & Program	303,278	2,136,291
Perbelanjaan Pembangunan	1,003,217	-
Yuran Persatuan	3,000	-
Susutnilai	127,789	140,295
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>3,584,546</b>	<b>4,385,281</b>
 <b>LEBIHAN/(KURANGAN) BAGI TAHUN SEMASA</b>	<b>(1,639,028)</b>	<b>(1,654,976)</b>

**INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA**  
**PENYATA PERUBAHAN EKUITI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR SEHINGGA 31 DISEMBER 2017**

	<b>KUMPULAN MENGURUS (RM)</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
<b>BAKI AWAL TAHUN LEPAS</b>	19,651,565	19,651,565
Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan Bagi Tahun Selepas Cukai	(1,654,976)	(1,654,976)
Pelarasan	(385,861)	(385,861)
<b>BAKI AKHIR TAHUN LEPAS</b>	17,610,728	17,610,728
Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan Bagi Tahun Selepas Cukai	(1,639,028)	(1,639,028)
<b>BAKI AKHIR TAHUN SEMASA</b>	<b><u>15,971,700</u></b>	<b><u>15,971,700</u></b>

**INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA**  
**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR SEHINGGA 31 DISEMBER 2017**

	2017 RM	2016 RM (Seperti dinyatakan semula)
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>		
Kurangan Pendapatan Sebelum Cukai	(1,639,028)	(1,654,976)
PELARASAN UNTUK :		
Susutnilai Harta Tetap	127,789	140,295
Manfaat Pekerja	10,670	59,969
Faedah Diterima	(367,590)	(936,598)
Geran Pembangunan Dilunaskan	<u>(1,003,217)</u>	-
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA	(2,871,376)	(2,391,310)
Perubahan Dalam Modal Kerja :		
Kurangan / (Tambah) Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar	201,258	(296,285)
Tambahan / (Kurangan) Pelbagai Pembiutang dan Akruan	1,055,729	(3,472)
Wang Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi	<u>(1,614,389)</u>	<u>(2,691,067)</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian Hartanah, Loji & Peralatan	(13,900)	(54,340)
Tambahan Simpanan Tetap	1,000,000	(1,500,000)
Faedah Simpanan Tetap	<u>367,590</u>	<u>936,598</u>
Wang Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	<u>1,353,690</u>	<u>(617,742)</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Penambahan Geran Pembangunan	1,800,000	-
Wang Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan	1,800,000	-
Pertambahan Bersih Tunai & Kesetaraan Tunai Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	<u>1,539,301</u>	<u>(3,308,809)</u>
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	<u>4,451,277</u>	<u>2,911,976</u>

**Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia**

**5. Hartanah, Loji & Peralatan**

	Kenderaan RM	Kelengkapan dan lekanan RM	Peralatan Pejabat RM	Peralatan Komputer RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>					
Pada 1 Januari 2016	540,504	113,604	63,657	595,716	1,313,481
Tambahan	-	1,937	13,382	39,021	54,340
Pelupusan					
Pada 31 Disember 2016	540,504	115,541	77,039	634,737	1,367,821
<b>Pada 1 Januari 2017</b>	<b>540,504</b>	<b>115,541</b>	<b>77,039</b>	<b>634,737</b>	<b>1,367,821</b>
Tambahan	-	-	1,303	12,597	13,900
Pelupusan					
<b>Pada 31 Disember 2017</b>	<b>540,504</b>	<b>115,541</b>	<b>78,342</b>	<b>647,334</b>	<b>1,381,721</b>
<b>Susutnilai Terkumpul</b>					
Pada 1 Januari 2016	270,018	35,266	19,338	543,695	868,317
Susutnilai Semasa	73,330	11,488	7,057	48,420	140,295
Pada 31 Disember 2016	343,348	46,754	26,395	592,115	1,008,612
<b>Pada 1 Januari 2016</b>	<b>343,348</b>	<b>46,754</b>	<b>26,395</b>	<b>592,115</b>	<b>1,008,612</b>
<b>Susutnilai Semasa</b>	<b>73,330</b>	<b>12,851</b>	<b>6,538</b>	<b>35,070</b>	<b>127,789</b>
<b>Pada 31 Disember 2016</b>	<b>416,678</b>	<b>59,605</b>	<b>32,933</b>	<b>627,185</b>	<b>1,136,401</b>
<b>Nilai Buku Bersih</b>					
Pada 31 Disember 2016	197,156	68,787	50,644	42,622	359,209
Pada 31 Disember 2017	123,826	55,936	45,409	20,149	245,320

**Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia**

**6. Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar**

	2017 (RM)	2016 (RM)
Pendahuluan Kakitangan	44,100	5,230
Faedah Terakru	<u>170,416</u>	<u>410,544</u>
	<u><u>214,516</u></u>	<u><u>415,774</u></u>

**7. Tunai dan Kesetaraan Tunai**

	2017 (RM)	2016 (RM)
Maybank Berhad	4,450,277	1,410,976
Panjar Wang Runcit	1,000	1,000
Simpanan Tetap (matang dibawah 3 bulan)	<u>-</u>	<u>1,500,000</u>
	<u><u>4,451,277</u></u>	<u><u>2,911,976</u></u>

**8. Manfaat Pekerja**

	2017 (RM)	2016 (RM)
Baki pada 1 Januari	59,969	-
Tambahan : Peruntukan tahun semasa	<u>10,670</u>	<u>59,969</u>
Baki pada 31 Disember	<u><u>70,639</u></u>	<u><u>59,969</u></u>

**9. Pelbagai Pembiayaan dan Akruan**

	2017 (RM)	2016 (RM)
Perbelanjaan Terakru	6,251	6,251
Pembiayaan Pembekal	9,358	110
Cek Batal	<u>925</u>	<u>925</u>
	<u><u>16,534</u></u>	<u><u>7,286</u></u>

**Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia**

**10. Akaun Khas**

	2017 (RM)	2016 (RM)
Baki pada 1 Januari	8,974	4,645
Tambahan : Terimaan tahun semasa	1,386,641	4,329
Tolak : Pelunasan	(340,160)	-
Baki pada 31 Disember	<u><u>1,055,455</u></u>	<u><u>8,974</u></u>

Akaun Khas merujuk kepada baki pemberian yang diterima daripada organisasi/individu luar untuk digunakan sebagai belanja kajian

**11. Geran Pembangunan**

	2017 (RM)	2016 (RM)
Baki pada 1 Januari	-	-
Tambahan : Terimaan tahun semasa	1,800,000	-
Tolak : Geran Pembangunan Dilunaskan	(1,003,217)	-
Baki pada 31 Disember	<u><u>796,783</u></u>	<u><u>-</u></u>

**12. Perjalanan & Sara Hidup**

	2017 (RM)	2016 (RM)
Bayaran Lain (Tip,Tol,Meletak Kenderaan)	-	30
Penginapan	2,893	557
Pengangkutan Udara	28,216	14,919
Tuntutan Perjalanan Dalam Negara	15,698	50,373
	<u><u>46,807</u></u>	<u><u>65,879</u></u>

**13. Perhubungan & Utiliti**

	2017 (RM)	2016 (RM)
Bil Telefon	2,348	4,221
Bil Broadband	8,545	7,871
Pos Laju	1,227	1,768
Setem	-	2,385
Kad Touch & Go	11,000	9,638
	<u><u>23,120</u></u>	<u><u>25,883</u></u>

**Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia**

**14. Sewaan**

	2017 (RM)	2016 (RM)
Mesin Fotostat	9,253	10,005
Caj Bacaan Meter	43,555	56,554
Sewaan Pokok Hiasan	-	6,400
Sewaan Hosting/Domain	7,788	7,976
	<u>60,596</u>	<u>80,935</u>

**15. Bekalan Dan Bahan Lain**

	2017 (RM)	2016 (RM)
Alatan Pejabat (Barang Pakai Habis)	46,258	45,446
Hadiyah Dan Pemberian	9,234	6,026
Bahan Promosi / Publisiti	12,589	5,675
Bekalan Naik Taraf Portal	-	18,840
Pakaian Rasmi Pekerja	1,774	9,290
	<u>69,855</u>	<u>85,277</u>

**16. Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil**

	2017 (RM)	2016 (RM)
Penyelenggaraan Kenderaan	26,058	22,871
Penyelenggaraan Portal	39,180	-
Penyelenggaraan Perkakasan Ict	-	250
Penyelenggaraan Sistem SAGA	81,960	6,958
Penyelenggaraan Peralatan Pejabat	-	920
	<u>147,198</u>	<u>30,999</u>

**17. Pampasan Kepada Pegawai Pengurusan Utama**

	2017 (RM)	2016 (RM)
Lembaga Pengarah	6,600	6,600
Ketua Eksekutif	184,899	142,179
	<u>191,499</u>	<u>148,779</u>

## Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

### 18. Angka Perbandingan

Angka-angka perbandingan bagi tahun lepas telah disusun semula di mana perlu supaya selaras dengan angka yang telah dibentangkan tahun ini.

#### Penyata Kedudukan Kewangan

	seperti dinyatakan semula 2016 (RM)	dinyatakan sebelumnya 2016 (RM)
<b>DIBIAYAI OLEH:</b>		
Lebihan Terkumpul	17,610,728	17,925,158
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>		
Manfaat Pekerja	59,969	131,400
Sumbangan Kerajaan -SAGA	2	2
<b>LIABILITI SEMASA</b>		
Pelbagai Pembiutang dan Akruan	7,286	16,260
Akaun Khas	8,974	-
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>	<u><u>17,686,959</u></u>	<u><u>18,072,820</u></u>

#### Penyata Pendapatan Komprehensif

	seperti dinyatakan semula 2016 (RM)	dinyatakan sebelumnya 2016 (RM)
<b>PERBELANJAAN PENTADBIRAN</b>		
Manfaat Pekerja	59,969	131,400
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<u><u>4,385,281</u></u>	<u><u>4,456,712</u></u>
<b>LEBIHAN/(KURANGAN) BAGI TAHUN SEMASA</b>	<u><u>(1,654,976)</u></u>	<u><u>(1,726,407)</u></u>

**Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia**

**18. Angka Perbandingan (Samb.)**

**Penyata Perubahan Ekuiti**

	seperti dinyatakan semula 2016 (RM)	seperti dinyatakan 2016 (RM)
Lebihan Pendapatan Bagi Tahun 2016	(1,654,976)	(1,726,407)
Pelarasan	(385,861)	
<b>BAKI AKHIR</b>	<b><u>17,610,728</u></b>	<b><u>17,925,158</u></b>

**Penyata Aliran Tunai**

	seperti dinyatakan semula 2016 (RM)	seperti dinyatakan 2016 (RM)
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>		
Manfaat Pekerja	59,969	131,400